

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Rumusan Dapatan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau pemilihan bahasa dalam laman jaringan sosial dan mesej segera dalam kalangan mahasiswa Cina di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Selain itu, kajian juga menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa responden dalam kedua-dua medium komunikasi tersebut.

Kajian dilakukan melalui soal selidik dan temu bual semi-struktur. Seramai 100 orang mahasiswa Cina pada peringkat ijazah sarjana muda yang mengikuti program pengajian yang berlainan dipilih secara rawak di 10 perpustakaan untuk dijadikan sebagai responden dalam kajian soal selidik. Daripada keseluruhan sampel, seramai 83 responden sudi ditemu bual selepas mengisi borang soal selidik. Temu bual bersemuka dilakukan untuk memahami secara mendalam tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa responden dalam laman jaringan sosial dan mesej segera.

Analisis dilakukan mengikut teori domain yang diperkembangkan oleh Fishman (1972). Oleh itu, pemilihan bahasa responden dalam KBK ditinjau berdasarkan tujuan atau fungsi komunikasi dan faktor interlokutor yang berlainan.

Dapatan menunjukkan bahasa Inggeris mencatatkan kadar penggunaan yang paling tinggi dalam kalangan responden semasa (i) menulis mesej ringkas (*personal message*) tentang status sendiri; (ii) melabelkan foto sendiri pada laman jaringan sosial; (iii) mengepos tulisan-tulisan pada kolum nota atau ruangan blog sendiri; (iv) memberi komentar pada status, foto dan pautan yang diposkan oleh kawan berbangsa Cina, Melayu dan India, adik beradik serta sahabat kawan (*friend's friends*); (v) bersembang dengan kawan berbangsa Cina, Melayu dan India serta adik beradik dalam talian; (vi) membincangkan hal-hal pembelajaran dengan kawan berbangsa Cina, Melayu dan India; (vii) membincangkan isu-isu semasa dengan kawan bukan bangsa Cina dalam talian. Dapatan ini menunjukkan bahawa pola pemilihan bahasa dalam KBK adalah sama bagi tujuan komunikasi dan faktor interlokutor yang berlainan, iaitu majoriti aktiviti KBK masing-masing menunjukkan penggunaan bahasa Inggeris adalah dominan. Secara keseluruhan, bahasa Inggeris boleh dianggap sebagai variasi H dan variasi L dalam KBK berdasarkan konsep poliglosia. Ini disebabkan bahasa Inggeris merupakan bahasa yang paling dominan dalam konteks yang formal (contohnya perbincangan isu-isu semasa dan hal-hal pembelajaran) dan juga konteks yang kurang formal (contohnya penulisan mesej ringkas, sembang, pemberian komentar pada status dan foto rakan) dalam KBK.

Terdapat dua faktor utama yang mendorong bahasa Inggeris menjadi bahasa yang dominan dalam KBK. Pertama, kebanyakan responden berpendapat bahawa penggunaan bahasa Inggeris mempunyai pelbagai bentuk singkatan contohnya "*omg*" (*oh my God*), "*r*" (*are*), "*u*" (*you*) yang boleh ditaip dengan lebih pantas dan singkatan tersebut juga difahami secara umum oleh majoriti interlokutor serta bahasa Inggeris boleh terus ditaip

dalam huruf roman telah mendorong responden lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris daripada bahasa yang lain. Selain itu, pertukaran mesej dan giliran pertuturan yang cepat dan segera dalam laman jaringan sosial dan mesej segera telah meningkatkan motivasi instrumental responden untuk terus menggunakan bahasa Inggeris. Tambahan pula, kebanyakan tugas pembelajaran di universiti ditaip dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu telah menjadikan mereka lebih selesa untuk menaip bahasa yang berhuruf roman terutama bahasa Inggeris. Dalam kata lain, kepantasan dan keselesaan penggunaan bahasa Inggeris menjadikan responden lebih kerap menggunakannya dalam KBK. Faktor kedua adalah faktor persekitaran. Kawan sebilangan responden lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris dalam talian telah meningkatkan motivasi mereka untuk memilih bahasa Inggeris sebagai pilihan bahasa pertama dalam KBK agar merapatkan jarak sosial mereka dalam komunikasi.

Bahasa Cina merupakan bahasa yang dikuasai dengan paling baik oleh responden, tetapi kadar penggunaannya dalam laman jaringan sosial dan mesej segera kurang daripada penggunaan bahasa Inggeris. Ini menunjukkan kebanyakan responden tidak menggunakan repertoir linguistik semasa berkomunikasi dalam KBK. Bahasa Cina hanya mencatatkan kadar penggunaan yang jauh lebih tinggi daripada penggunaan bahasa Inggeris semasa (i) memberi komentar pada status, foto, pautan yang diposkan oleh ibu bapa; dan (ii) membincangkan isu-isu semasa dengan ibu bapa dalam talian. Ini disebabkan kebanyakan responden mengakomodasikan repertoir bahasa ibu bapa dengan menggunakan bahasa Cina yang paling baik dikuasai oleh ibu bapa.

Berdasarkan maklum balas yang diberi oleh responden, kerumitan dalam penaipan aksara Cina menyebabkan mereka jarang menggunakan bahasa Cina dalam KBK. Faktor ini merupakan masalah teknikal kerana penaipan aksara Cina sebenarnya tidak rumit. Masalahnya ialah responden jarang praktikal, maka mereka terpaksa mengambil masa yang panjang untuk menginputkan fonetik dengan tepat bagi mendapatkan aksara yang betul melalui perisian input bahasa Cina. Oleh itu, responden mempunyai tanggapan bahawa penaipan aksara Cina adalah rumit. Tanggapan ini mengurangkan motivasi mereka untuk menggunakan (menaip) bahasa Cina dalam KBK. Selain itu, kebanyakan responden tidak kerap menggunakan bahasa Cina dalam KBK kerana mereka tidak dapat menaip aksara Cina dengan pantas jika dibandingkan dengan bahasa Inggeris yang mempunyai banyak bentuk singkatan.

Walaupun bahasa Melayu juga merupakan bahasa yang berhuruf roman, tetapi kadar penggunaannya dalam KBK tidak setinggi dengan bahasa Inggeris. Sebaliknya, bahasa Melayu pada keseluruhan mencatatkan penggunaan yang paling rendah dalam kalangan responden. Analisis kajian menunjukkan bahasa Melayu hanya lebih kerap digunakan dalam interaksi yang melibatkan interlokutor berbangsa Melayu tetapi peratusan penggunaannya masih rendah daripada penggunaan bahasa Inggeris. Sementara itu, tiada responden menggunakan bahasa Melayu semasa menulis status sendiri, melabelkan foto sendiri mahupun berinteraksi dengan interlokutor yang berbangsa Cina. Berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh responden, didapati keadaan ini bergantung kepada tanggapan responden yang menganggap bahasa Melayu sebagai

bahasa yang digunakan oleh bangsa Melayu, maka kebanyakan daripada mereka hanya biasa menggunakan bahasa Melayu terhadap interlokutor yang berbangsa Melayu.

Kekurangan kawan berbangsa Melayu dalam senarai kawan dalam laman jaringan sosial atau mesej segera dan faktor persekitaran dalam KBK yang jarang menggunakan bahasa Melayu turut menyebabkan responden jarang menggunakan bahasa Melayu dalam KBK. Di samping itu, faktor kurang menguasai bahasa Melayu menyebabkan sebahagian responden jarang menggunakan bahasa Melayu.

Keputusan ujian khi-kuasa dua menunjukkan bahawa responden lelaki atau perempuan, mahupun responden mengikut program beraliran sains atau sastera mempunyai kecenderungan pemilihan bahasa yang sama, iaitu masing-masing lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris dalam KBK.

Secara kesimpulannya, bahasa Inggeris paling dominan digunakan oleh responden, diikuti dengan bahasa Cina, manakala bahasa Melayu mencatatkan kadar penggunaan yang paling rendah. Selain itu, keputusan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pemilihan bahasa dalam KBK dengan merujuk kepada gender dan program pengajian responden. Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa responden dalam KBK termasuk (i) kesenangan dan keselesaan terhadap penggunaan sesuatu bahasa; (ii) kedominan sesuatu bahasa, dan (iii) faktor persekitaran.

5.2 Cadangan

Kajian ini hanya dilakukan terhadap 100 orang mahasiswa Cina di Universiti Malaya, maka dapatan tidak memberi gambaran yang menyeluruh mengenai pemilihan bahasa dalam KBK dalam kalangan generasi muda Cina di negara ini. Penyelidik pada masa hadapan boleh menjalankan kajian yang sama terhadap mahasiswa Cina di universiti yang lain bagi menentukan sama ada terdapat persamaan atau perbezaan dari segi pola pemilihan bahasa dalam KBK. Selain itu, kajian yang sama juga boleh dilakukan terhadap populasi yang berlainan, mahupun populasi dari bangsa Melayu atau India untuk mengetahui sama ada pola pemilihan bahasa dalam KBK terhadap bangsa yang berlainan mempunyai kecenderungan yang sama atau tidak. Tambahan pula, kajian perbandingan hubungan antara pemilihan bahasa dalam KBK dengan pemilihan bahasa dalam komunikasi lisan juga boleh dilakukan.